

PM mahu langkah jangka panjang atasi isu kursus perubatan

Cari jalan penyelesaian

Daripada Mior Kamarul Shahid

TOKYO: Kerajaan akan mengambil langkah jangka panjang bagi mengendalikan kemasukan pelajar cemerlang mengikuti kursus perubatan di institusi pengajian tinggi awam (IPTA), kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata, keputusan Kabinet menyerapkan 128 pelajar cemerlang yang tercicir bagi mengikuti kursus itu di fakulti perubatan universiti awam kelmarin hanyalah penyelesaian untuk kumpulan berkenaan.

Sehubungan itu, beliau berharap langkah yang diambil Kabinet untuk menyelesaikan isu itu kelmarin dapat diterima semua pihak dan tiada lagi timbul masalah mengenainya.

CYBERJAYA: Pelajar yang ingin mengikuti kursus dikategorikan kompetitif di institusi pengajian tinggi awam (IPTA), mungkin perlu menghadiri temu duga sebagai syarat baru.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Dr Shafie Mohd Salleh, berkata kementerianya menimbang cadangan memperketatkan prosedur bagi memastikan hanya calon yang layak mendapat tempat. - LIHAT MUKA 6


"Apabila pengagihan pelajar dibuat, janganlah pula menimbulkan pelbagai masalah mengenai pengagihan itu. Bukan satu perkara yang senang nak ambil kira tiap-tiap individu, tiap-tiap ibu bapa.

"Di mana ada tempat yang ditetapkan untuk pelajar yang nak mengikuti kursus perubatan itu, saya berharap mereka dapat terima dan ibu bapa pun dapat terima," katanya kepada wartawan Malaysia di sini semalam.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Dr Shafie Salleh kelmarin mengumumkan keputusan Kabinet supaya sebahagian daripada 128 pelajar cemerlang yang tidak mendapat tempat untuk mengikuti kursus perubatan, diserapkan ke IPTA dan sebahagian lagi ke institusi pengajian tinggi swasta (IPTS).

Terdahulu, Abdullah mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri Jepun, Junichiro Koizumi mengenai isu antarabangsa termasuk perkembangan terbaru di Iraq dan Palestin, keganasan di Arab Saudi, peranan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu serta berucap di Persidangan Antarabangsa Nikkei ke-10 mengenai Masa Depan Asia.

Perdana Menteri berkata, Kementerian Pengajian Tinggi sudah diarah untuk mencari jalan penyelesaian jangka panjang masalah itu termasuk meningkatkan kemampuan



ABDULLAH bersalam dengan rakan sejawatnya, Junichiro Koizumi selepas mereka mengadakan pertemuan bagi membincangkan mengenai isu antarabangsa termasuk perkembangan terbaru di Iraq dan Palestin sempena Persidangan Antarabangsa Nikkei ke-10 mengenai Masa Depan Asia di Tokyo semalam. - Gambar AFP